

JANM.BKP.600-20/2/7(9)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2024**

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN
EMOLUMEN TAHUN 2025**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN.....	3
2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN	3
3. TANGGUNGJAWAB DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN.....	3
4. HAL-HAL LAIN	5
5. TARIKH KUAT KUASA.....	6
6. PEMAKAIAN	6
LAMPIRAN 1:	7
TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN BAGI TAHUN 2025	7

JANM.BKP.600-20/2/7(9)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2024**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2025

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan berkaitan:

- 1.1 Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2025; dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan bagi memastikan tatacara pengurusan bayaran emolumen dapat dilaksanakan dengan tepat, betul dan emolumen dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN

Tarikh pembayaran emolumen bulanan bagi tahun 2025 adalah seperti di [Lampiran 1](#) dan ditetapkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 dan surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.BKSK.600-2/13/1 (8) bertarikh 6 September 2024 Penetapan Tarikh dan Peraturan Pembayaran Emolumen Tahun 2025.

3. TANGGUNGJAWAB DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN

- 3.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan, GPANM Pelaksanaan Semakan Tambahan (Second Validation) Bagi Pembayaran Kerajaan dan Surat Edaran BPOPP Bil 1 Tahun 2023 - Pelaksanaan Semakan Tambahan (2nd Validation) Pembayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa.

3.2 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pejabat Perakaunan dan Pegawai Awam adalah seperti berikut:

3.2.1 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (1) Mengunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) yang diterima daripada Pusat Pembayar Gaji beserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan bagi mengelakkan sebarang kelewatan.
- (2) Memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320 Pin.1/2019) berkaitan kes kemasukan pegawai yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan dikemas kini dan diproses secara berasingan (Late Cycle) untuk membolehkan bayaran dibuat selewat-lewatnya pada hari akhir bekerja bulan tersebut.
- (3) Menyemak maklumat dalam laporan Fail Induk Gaji sebaik sahaja e-Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (www.anm.gov.my) dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu.

Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam laporan Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:

- (a) Butiran peribadi;
- (b) Nombor akaun bank; dan
- (c) Nombor rujukan:
 - (i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - (ii) Cukai Pendapatan;
 - (iii) Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;
- (4) Memastikan semua arahan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan baru dan nombor rujukan potongan.
- (5) Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Arahan Pembayaran bagi kes-kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Ketua Akauntan Kementerian atau Pengarah JANM Negeri /Cawangan hendaklah didapatkan terlebih dahulu.

3.2.2 **Tanggungjawab Pejabat Perakaunan**

- (1) Menetapkan tarikh pemprosesan larian emolumen bulanan untuk dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- (2) Memastikan semua pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang dibayar melalui Sistem Emolumen Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui Arahan Pembayaran boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Ketua Akauntan Kementerian atau Pengarah JANM Negeri/Cawangan.

3.2.3 **Tanggungjawab Pegawai Awam**

Pegawai Awam (pemilik akaun) hendaklah merujuk kepada bank masing-masing sekiranya terdapat sekatan ke atas pembayaran emolumen di akaun bank pegawai yang mempunyai pembiayaan pinjaman dari bank berkenaan yang mana sekatan adalah tertakluk kepada terma perjanjian yang telah dimerterai di antara pegawai dan bank tersebut.

3.2.4 **Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari**

- (1) Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- (2) Tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

4. **HAL-HAL LAIN**

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
 Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan
 No.1, Persiaran Perdana
 62594, Presint 2
 Putrajaya
 u.p. : Unit Pengurusan Prestasi
 emel : unit_prestasi@anm.gov.my
 No. Tel. : 03 - 8882 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peraturan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR YATLE BINTI AHMAD C.A.(M))

Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

13 September 2024

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Bendahari Negeri/Akauntan Negeri
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)



LAMPIRAN 1:

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2025**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2024**

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2025**

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	22.01.2025	Rabu	<i>Tahun Baharu Cina</i> 29 & 30 Januari 2025 (Rabu & Khamis)
Februari	25.02.2025	Selasa	
Mac	24.03.2025	Isnin	<i>Hari Raya Puasa</i> 31 Mac 2025 & 1 April 2025 (Isnin & Selasa)
April	24.04.2025	Khamis	
Mei	22.05.2025	Khamis	<i>Hari Pesta Kaamatan</i> 30 & 31 Mei 2025 (Jumaat & Sabtu)
Jun	25.06.2025	Rabu	<i>Hari Gawai</i> 1 & 2 Jun 2025 (Ahad & Isnin) <i>Hari Raya Haji</i> 7 & 8 Jun 2025 (Sabtu & Ahad)
Julai	24.07.2025	Khamis	
Ogos	25.08.2025	Isnin	
September	25.09.2025	Khamis	
Oktober	16.10.2025	Khamis	<i>Hari Deepavali</i> 20 Oktober 2025 (Isnin)
November	20.11.2025	Khamis	
Disember	18.12.2025	Khamis	<i>Hari Krismas</i> 25 Disember 2025 (Khamis)